



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERJUMPAAN MENTERI KANAN KERJA RAYA BERSAMA EDITOR MEDIA SARAWAK

KUCHING, SARAWAK – Majlis Perjumpaan Menteri Kanan Kerja Raya, Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof bersama wakil editor media negeri Sarawak telah berlangsung hari ini di The Waterfront Hotel, Kuching Sarawak.

Sesi perjumpaan ini adalah merupakan sesi santai dan ramah mesra Menteri Kanan Kerja Raya bersama wakil media. Menerusi sesi perjumpaan ini, Menteri Kanan Kerja Raya telah berkongsi maklumat berkaitan Belanjawan 2021 Kementerian Kerja Raya bagi negeri Sarawak khususnya.



Menerusi Belanjawan 2021, KKR secara keseluruhan menerima peruntukan sebanyak RM7.3 bilion. Peruntukan ini membabitkan perbelanjaan mengurus berjumlah RM1.26 bilion dan bajet pembangunan sebanyak RM6.09 bilion. Daripada jumlah keseluruhan bajet pembangunan KKR, sebanyak RM99.45 juta diperuntukkan bagi projek pembangunan di Sarawak. Jumlah ini tidak termasuk bajet Lebuhraya Pan Borneo Sarawak.

Seperti yang kita sedia maklum, Belanjawan 2021 juga menyaksikan komitmen kerajaan dalam meneruskan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah dan Sarawak. Selain daripada peruntukan sebanyak RM1 bilion bagi masing-masing projek LPB Sabah dan Sarawak, satu lagi Pakej Kerja untuk projek LPB Sabah iaitu Pakej Serusop ke Pinturu yang merupakan “*missing link*” sepanjang 21 km akan turut dilaksanakan dalam masa terdekat. Projek LPB Sabah dan Sarawak, mencatatkan kemajuan terkini sebanyak 43 peratus bagi negeri Sabah dan 58 peratus di Sarawak.

Dikeluarkan oleh

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

Antara projek – projek pembangunan infrastruktur lain di bawah KKR bagi negeri Sarawak adalah seperti berikut:

- i. Jambatan Sungai Merapok, Jalan Lawas – Merapok, Bahagian Limbang (RM500 ribu)
- ii. Jambatan Sungai Maragang, Jalan Lawas-Merapok, Bahagian Limbang (RM500 ribu)
- iii. Jambatan Sg. Gaya, Jalan Lawas-Merapok, Bahagian Limbang (RM250 ribu)
- iv. Projek Sarawak – Sabah Link Road (RM25 juta)
- v. Menaiktaraf Laluan 8101 Jalan Datuk Musa dari KM8 Ke Bulatan G3, Kota Samarahan (RM25 juta)
- vi. Pembinaan jalan akses ke kawasan selatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak (RM18 juta)
- vii. Pembinaan flyover Jalan Medan Jaya - Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu (RM15 juta)
- viii. Membina Flyover Jalan Medan Jaya- Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu - Kerja-kerja awalan dan rekabentuk (RM3.5 juta)
- ix. Penggantian jambatan yang melibatkan axle load, sempit dan uzur (RM 3 juta)
- x. Naiktaraf Jalan Bintulu ke Samalaju dari Simpang Nyabau ke Simpang Bakun (RM1.5 juta)



Belanjawan 2021 juga turut memberi fokus kepada projek-projek pembangunan infrastruktur berikut:

- i. Menaik taraf bangunan serta infrastruktur di 50 buah sekolah-sekolah daif dengan kos sebanyak RM725 juta.
- ii. Projek Infrastruktur di Kawasan Perindustrian Samalaju, Sarawak di bawah SCORE.
- iii. Menaik taraf infrastruktur air, elektrik, dan jalan raya, kemudahan kesihatan dan pendidikan (RM4.52 bilion).

Dikeluarkan oleh

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | Pro@kkr.gov.my

KKR juga komited memastikan kemudahan jalan raya di semua negeri disenggara secara optimum. Bagi negeri Sarawak sebanyak RM70 juta diperuntukkan untuk penyenggaraan berkala pavemen dan sebanyak RM4 juta berkala bukan pavemen di Jalan Persekutuan.



Industri pembinaan juga dilihat kembali rancak selepas suku ketiga tahun ini, namun perjalanan industri ini pastilah tidak lagi sama selepas berlaku wabak pandemik COVID-19. Sehingga 9 Disember 2020, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) telah melaksanakan pemeriksaan pematuhan SOP Covid-19 di 7,956 tapak pembinaan di seluruh negara. Berdasarkan pemeriksaan tersebut, bagi negeri Sarawak, sebanyak 764 tapak pembinaan dibenarkan beroperasi kerana mematuhi SOP dan hanya 4 tapak pembinaan didapati melanggar SOP dan tidak dibenarkan beroperasi.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
19 DISEMBER 2020

Dikeluarkan oleh

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

No. Tel. : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | Faks. : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks | Pro@kk.gov.my